



## **Peniaga kerugian RM10,000 terpedaya 'Macau Scam'**

**SIBU:** Seorang peniaga lelaki mengalami kerugian RM10,000 selepas dipercayai diperdayakan sindiket 'Macau Scam'.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa berumur 28 tahun itu menerima panggilan telefon kelmarin daripada seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Koperal Aaron Abdullah.

"Suspek berkenaan mendakwa mangsa mempunyai satu saman atas kesalahan kemalangan langgar lari di Johor dan minta mangsa membayar saman.

"Selepas itu, mangsa telah menerima pesanan ringkas (WhatsApp) yang memperkenalkan diri sebagai CCID Khoo iaitu kawan kepada Ko-

peral Aaron dan menyatakan yang mangsa ada membuat kesalahan wang haram dan penyalahgunaan dadah.

"Suspek meminta mangsa membuat bayaran sebanyak RM10,000 untuk bayaran ikat jamin dan suspek juga ada memberi mangsa satu video suspek bagi kes pengubahan wang haram dan penyalahgunaan dadah serta satu salinan surat waran tangkap.

"Suspek juga menyatakan yang akaun mangsa akan dibekukan," jelasnya dalam kenyataan media semalam.

Katanya, mangsa yang berasa takut kemudian tanpa berfikir panjang telah membuat bayaran sebanyak RM10,000 daripada akaun simpanan miliknya ke akaun bank seperti yang diarahkan.